

# Konsep pasarakyat perlu diperluas: PM

BH - 1 FEB 2002

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu lebih banyak pasar raya menggunakan konsep Pasarakyat dibuka di seluruh negara bagi membolehkan petani dan pekebun memasarkan barangan mereka secara terus kepada pelanggan.

Perdana Menteri mencadangkan pihak swasta mengembangkan konsep itu dengan membina lebih banyak pasar besar supaya petani dan peladang dapat menjual produk mereka tanpa perlu melalui orang tengah.

"Oleh kerana orang tengah tidak terbabit, maka keuntungan yang sepatutnya diberi kepada orang tengah itu, boleh dinikmati oleh petani sendiri. Petani boleh hantar terus ke pasar raya dengan produk mereka dijual secara terus seperti di pasar raya besar lain.

"Saya tengok sekarang ini, golongan yang mam-

pu berbelanja besar adalah mereka membeli di pasar raya besar. Petani pula menjual hasil di pasar tani. Kita mahu hasil petani ini dibeli oleh orang yang mampu," katanya melancarkan Pasarakyat yang terletak di nombor 8, Jalan Melati Off Jalam Imbi di sini, hari ini.

Pasarakyat itu adalah gabungan pasar malam, pasar tani dan pasar basah dengan menyediakan landasan pemasaran baru bagi peladang, petani dan nelayan tempatan. Bercajak kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata jika konsep itu berjaya, beliau yakin petani akan berminat untuk turut serta kerana mereka boleh mendapat pulangan yang lebih baik, tanpa perlu menggunakan orang tengah.

"Orang tengah tak mengapa, tetapi masalahnya, golongan ini ambil terlalu banyak untung untuk diri dia. Kita sedar orang te-

ngah kadang-kadang tak dapat jual, barang jadi busuk.

"Tapi biasanya dia (orang tengah) sudah pun ada pelanggan...tapi tak patutlah dia ambil untung terlampau banyak," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya juga, beliau berkata hasil pertanian di pasar-pasar seumpama itu boleh dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding di pasar tani atau pasar malam.

"Jika konsep ini berkembang, kita akan lihat petani dan peladang hidup lebih baik, pengguna dapat membeli barangan pada harga berpatutan dan pengusaha pasar mendapat untung sedikit sebanyak," katanya.

Dr Mahathir turut mencadangkan supaya golongan petani menggabungkan tanah bagi membolehkan aktiviti pertanian dijalankan secara besar-besaran untuk mendapat pulangan lebih besar.